

05 AUG 1997

Pesawat-Rosak

PESAWAT RINGAN YANG DIPAMER PADA FLY-IN ROSAK TERUK

LANGKAWI, 5 Ogos (Bernama) -- Pesawat ringan Zodiac 601 HD yang dipamerkan di kawasan apron Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri, Padang Matsirat di sini rosak apabila terbalik akibat tiupan angin daripada sebuah helikopter Nuri.

Kejadian itu menyebabkan kerosakan di beberapa bahagian dengan kipas pesawat patah dan cermin tempat pemandunya pecah.

Menurut sumber, kejadian 5.30 petang itu berlaku semasa pesawat Nuri milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sedang mengadakan pertunjukan menyelamat di kawasan pameran itu.

Pengurus kanan Le Proton LIMA Sdn Bhd., Megat Nawawi Megat Hamid berkata tiada sebarang kecederaan dilaporkan.

Ini adalah disebabkan langkah-langkah keselamatan yang diambil penganjur Fly-In, Le Proton LIMA, termasuk tidak membenarkan orang ramai memasuki kawasan pameran semasa pertunjukan itu.

Megat Nawawi berkata pesawat itu kemungkinan tidak akan terbalik jika ia diikat dengan sempurna.

Katanya pesawat milik Persatuan Pesawaterbang Eksperimen Malaysia di bawah program Rakan Muda itu turut mengambil bahagian pada Rali Udara Malaysia 1997 semalam.

Sebanyak 60 pesawat ringan mengambil bahagian sempena Langkawi Fly-In 1997 itu yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. Pameran itu berakhir Jumaat ini. -- BERNAMA

ZI NH AHH